



27 Disember 2016
27 December 2016
P.U. (A) 361

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PETEMPATAN MAKANAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

LICENSING OF FOOD ESTABLISHMENTS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PETEMPATAN MAKANAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Lesen diperlukan bagi petempatan makanan
4. Permohonan bagi lesen
5. Ketidaklayakan
6. Bentuk lesen
7. Fi lesen
8. Deposit
9. Lesen gantian
10. Pindah milik lesen
11. Pembaharuan lesen
12. Pembatalan lesen

BAHAGIAN III

KEHENDAK KHAS BAGI KEDAI MAKAN DAN RESTORAN

13. Kehendak bagi kedai makan dan restoran

Undang-
undang
kecil

14. Keperluan mendapatkan sijil halal
15. Alat perangkap minyak
16. Kemudahan internet
17. Hiburan di kedai makan dan restoran
18. Larangan perniagaan lain dalam kedai makan dan restoran
19. Larangan menjalankan perniagaan di luar kedai makan dan restoran
20. Penyediaan makanan
21. Kehendak yang lain

BAHAGIAN IV PERUNTUKAN AM

22. Larangan
23. Pemeriksaan perubatan dan kursus asas penyediaan makanan
24. Orang yang dilarang menyediakan makanan
25. Kehendak kebersihan
26. Penyenggaraan petempatan makanan
27. Pengelasan petempatan makanan
28. Penutupan petempatan makanan yang tidak bersih
29. Binatang adalah dilarang
30. Tempat penyediaan makanan
31. Sinki dan kelengkapan sanitari
32. Bekalan air
33. Penyimpanan
34. Mengadakan bilik rehat dan lokar
35. Ruang yang sesak dilarang
36. Kacau ganggu
37. Waktu pengendalian petempatan makanan
38. Kuasa untuk menghendaki maklumat

Undang-
undang
kecil

- 39. Kuasa untuk memasuki premis bagi tujuan pemeriksaan
- 40. Pengecualian
- 41. Penalti
- 42. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PETEMPATAN MAKANAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 73(1)(c) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“air limbah” ertinya air hasil daripada kegunaan harian manusia daripada mencuci, memasak, untuk mandi dan lain-lain kegunaan seumpamanya;

“alat perangkap minyak” ertinya suatu alat yang digunakan sebagai penapis sisa pepejal dan minyak di dalam sistem pelupusan air limbah;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];